



## GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisypop: Archbisyp Datuk Melter Jiki Tais

Rektor: Archdekan Moses Chin



**Hubung**

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,  
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | [cclikas@gmail.com](mailto:cclikas@gmail.com)

## Epifani 2 - 14 Januari 2024

### Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa, Anak-Mu dinyatakan dalam tanda dan mukjizat keajaiban kasih-Mu yang menyelamatkan; baharuilah umat-Mu dengan anugerah-Mu yang syurgawi, dan dalam segala kelemahan kami, kuatkanlah kami oleh kuasa-Mu yang besar, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin



**Bercakap benar dalam kasih - Efesus 4:15**

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.**:

- YouTube: <https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams>

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.  
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah bangkit  
dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

## 1. **PERMULAAN BARU**

Selamat Tahun Baru kepada semua. Semoga kita rindu untuk 'melihat Yesus dengan lebih jelas, mengasihi Dia lebih lagi, dan mengikuti Dia dengan lebih dekat, hari demi hari', pada tahun 2024.

'Umat kepunyaan Allah sendiri' - 1 Petrus 2:9-10. Siri khutbah kita akan membawa kita kepada permulaan rancangan Tuhan yang menakjubkan untuk semua umat manusia. Dia membentuk umat untuk diri-Nya. Dari Kejadian, sebuah buku asal mulanya, kita akan belajar rancangan Tuhan yang melibatkan orang yang berbeza pada masa yang berbeza dan dalam keadaan yang berbeza, untuk mencapai tujuan-Nya.

- 7 Jan - Abraham: bapa
- **hari ini, 14 Jan - Ishak: pengecut**
- 21 Jan - Lawatan Archbisyp
- 28 Jan - Yakub: penipu
- 4 Feb - Yusuf: pemimpin
- 11 Feb - Yusuf: banduan
- 18 Feb - Yusuf: penyelamat

Carilah masa untuk membaca kitab Kejadian, terutamanya di fasal 12-50. Ia adalah suatu cerita yang berkelanjutan. Atau dengarkan Alkitab Suara. Cuba, 'YouVersion', daripada *Google Play Store* atau *App Store* anda.

Semoga kita mendengar suara Tuhan di sepanjang tahun 2024.



## 2. **REKTOR BERADA DI LUAR KAWASAN**

Rektor kita sedang melayani di gereja St. Margaret, Keningau di kebaktian Ahad pada pagi ini; dan bertemu dengan kepimpinan di sana pada sebelah petang. Dia akan kembali ke KK lewat petang hari ini.

## 2. **BERTUMBUH DALAM PEMURIDAN DI CCL**

- untuk PEMBAPTISAN, PENETAPAN, PERKAHWINAN - sila merujuk informasi pada buletin minggu lepas.
- KANAK-KANAK
  - BC - setiap Ahad, 2:30 ptg; bermula 28 Jan.
  - BI - setiap Ahad, 9:30 pg; telah bermula pada minggu lepas.
  - BM - setiap Sabtu, 2:00 ptg; bermula 24 Feb.
  - Joy Club - setiap Jumaat, Sekolah St. Agnes, 10:40 pg; bermula bulan Mac.
- MUDA-MUDI
  - BC - setiap Sabtu, 7:30 mlm; bermula 17 Feb.
  - BI - setiap Sabtu, 7:00 mlm; bermula 27 Jan.
  - BM - setiap Jumaat, 7:30 mlm; bermula 2 Feb.

- BELIA
  - BC - Rabu, dua minggu sekali, 8:00 mlm; bermula 21 Feb.
  - BI - Ahad, dua minggu sekali, 12:00 thgri; bermula 21 Jan.
  - BM - Rabu, dua minggu sekali, 7:30 mlm; bermula... akan diumumkan kelak.
- KELOMPOK SEL DEWASA
  - Pelbagai kumpulan, umur dan minat yang berbeza, bertemu pada hari-hari yang berbeza. Silakan cari tahu butiran yang tersedia.
- WARGA EMAS
  - Sila rujuk - 'Malar Hijau'.
- LAWATAN PASTORAL
  - Pengaturan khas boleh dibuat untuk melawat orang sakit (di rumah atau di hospital), terbatas di rumah, orang yang sedang sakit tenat, dsb.
  - Pelayanan Khusus boleh dijalankan untuk meraikan kelahiran baru, rumah Baharu, atau perniagaan baharu.

[ ... akan bersambung di minggu hadapan ... ]

#### 4. KUMPULAN MALAR HIJAU

Pelayanan warga emas kita telah dinamakan semula sebagai 'The Evergreens' (atau 'Malar Hijau'). Beberapa aktiviti tersedia:

- semua pertemuan akan dijalankan dalam dwibahasa - dalam BC dan BI. Juga menggalakkan semua penceramah Berbahasa Inggeris kami untuk menyertainya;
- pertemuan sekali dalam dua minggu, di Dewan Omega, 9:30 pagi;
- pertemuan pertama - 27 Jan. Kemudian, pertemuan sempena CNY - 17 Feb.

#### 5. PELAYANAN LAIN

- Persembahan bunga Gereja untuk hari Ahad, 2024: - tinggal 10 slot saja lagi:
  - setiap persembahan pada nilai RM150/-, atau ke atas;
  - anda boleh memilih tarikh yang sesuai - hari lahir, ulang tahun, hari peringatan, dsb.
  - hubungi pejabat gereja, untuk maklumat lanjut
  - Gubahan bunga hari ini disumbangkan oleh Dr. George & keluarga, sempena kesyukuran ulang tahun kelahiran.
- Pemberitahuan Perkahwinan yang ke-2 di antara Alkeen Peer Andrew & Rosaini Jamaran (jemaat BM).

**UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN**  
**RHB Bank | 2-10103-0001913-1**  
**Christ Church Likas**

**Boost:** <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



# GARIS BESAR KHUTBAH

Petikan: Kejadian 26:1-14

Judul: Ketaatan

Pendahuluan:

- Ishak berada di tanah Filistin dan terjadi kelaparan
- Ishak mahu meninggalkan tanah Filistin dan pergi ke Mesir
- Allah melarang Ishak pergi ke Mesir, dan Allah berjanji akan memberkatinya.

Respon Ishak:

## 1. Ketaatan Buah Iman

Kejadian 26:5-6

- Abraham telah menunjukkan ketaatannya kepada Allah sebagai imannya kepada Allah.
- Ishak mentaati Allah

Kejadian 26:7

- Ketakutan Ishak kembali, dan ia telah lupa akan janji Allah.

Kejadian 26:11

- Allah menepati janji-Nya, akibat ketaatan Ishak

## 2. Ketaatan Membawa Berkah

Kejadian 26:12-14

- Ishak diberkati Tuhan dan mendapat hasil seratus kali lipat.
- Ishak semakin kaya dan sangat kaya.
- Ishak dicemburi orang sekelilingnya.

Matius 6:33

Tetapi carilah dahulu Kerajaan Allah dan kebenarannya, maka semuanya itu akan ditambahkan kepadamu.

## UNTUK DIDOAKAN

### Masyarakat kita yang tercinta

- berdoa untuk semua pelajar, ibu bapa, dan guru sebagaimana sesi persekolahan bermula

[ untuk hati dan keupayaan untuk belajar; dalam persekitaran yang selamat ]

### Gereja kita yang tercinta

- agar kita bertumbuh dalam pelayanan dan dalam Persekutuan

[ agar kita bersemangat untuk berkongsi kasih Tuhan dengan orang lain ]

### Untuk Diri Sendiri

- berdoalah agar kita semakin mempercayai dan yakin kepada Allah [ supaya kita dapat mendengar suara Tuhan dengan lebih jelas ]

- berdoa untuk mereka yang dalam kelemahan tubuh, minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.